

## **BAB III**

# **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

### BAB III

### METODOLOGI

Bab ini akan membicarakan secara khusus tentang metode penyelidikan yang penulis aplikasikan untuk mendapatkan data-data yang tepat untuk menyiapkan disertasi ini.

Metode diambil daripada perkataan Inggeris iaitu '*method*'. Ia bererti sistem, aturan, cara membuat sesuatu atau kaedah<sup>1</sup>. Perkataan metodologi berasal daripada bahasa Yunani iaitu '*methodos*' dan '*logos*'. '*Methods*' bererti cara<sup>2</sup> dan '*logos*' bererti ilmu. Oleh itu, metodologi bererti ilmu tentang cara<sup>3</sup>. Manakala "metodologi penelitian" adalah ilmu tentang cara melakukan penelitian<sup>4</sup>.

Menurut Senn, metodologi merupakan satu proses atau cara mengetahui sesuatu yang mempunyai langkah-langkah sistematis<sup>5</sup>, golongan sarjana dan cendikiawan juga menamakan langkah-langkah sistematis ini dengan metodologi ilmiah. Justeru, metodologi ialah suatu pengkajian dalam mempelajari peraturan-peraturan yang terdapat dalam metode ilmiah<sup>6</sup>.

<sup>1</sup> Kamus Dwibahasa (1985). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 781.

<sup>2</sup> Koentjaraningrat (1983), "Beberapa Asas Metodologi Ilmiah", dalam *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta : P.T. Gramedia, h. 16.

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 51.

<sup>5</sup> Peter R. Senn (1971), *Social Science And Its Methods*. Boston : Holbrook, h. 4.

<sup>6</sup> *Ibid.*, h. 6.

Dalam bidang penyelidikan ilmiah, metode adalah merupakan suatu masalah yang sangat penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami subjek yang menjadi sasaran penelitian<sup>7</sup>. Oleh itu seseorang yang ingin membuat penyelidikan hendaklah benar-benar menguasai kaedah penyelidikan yang hendak digunakan dan kaedah tersebut harus pula sesuai dengan masalah yang hendak dikaji<sup>8</sup>.

Setelah dijelaskan pengertian metode penyelidikan, sekarang penulis mengemukakan metode-metode yang digunakan dalam penyelidikan dan penulisan disertasi ini. Metode-metode ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu :

1. Metode Pengumpulan Data.
2. Metode Analisis Data .

Dalam bab pertama, penulis telah menerangkan secara ringkas mengenai metode-metode ini dan dalam bab ketiga ini penulis akan menghuraikannya secara lebih terperinci.

### **1. Metode pengumpulan data**

Penyelidikan bermakna usaha-usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan pentafsiran terhadap data yang terkumpul<sup>9</sup>. Dalam usaha

<sup>7</sup> Koentjaraningrat (1983), *op.cit.*, h. 16.

<sup>8</sup> Abu Hassan Othman (1980), "Masalah Penyelidikan di Kota : Suatu Analisa Ringkas", dalam *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

<sup>9</sup> Abdul Halim Mat Diah Dr. (1987), *Satu Contoh Tentang Huraian Metodologi* ( Nota kuliah Sarjana, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur), h. 111.

pengumpulan maklumat bagi penyelidikan ini, penulis telah mendapatkan data-data daripada beberapa sumber. Sumber-sumber data yang diperolehi pula merupakan sumber pertama, di samping penulis menggunakan juga sumber yang kedua.

Pada dasarnya, data terbahagi kepada dua. Pertama, data asas iaitu data yang dikumpulkan secara langsung daripada objeknya atau sumbernya. Kedua, data kedua, iaitu data yang diperolehi daripada sumber kedua, seperti penerbitan<sup>10</sup>.

Berikut ini dikemukakan metode-metode yang digunakan dalam proses pengumpulan data, iaitu :

#### 1.1. Metode *Historis*

#### 1.2. Metode Dokumentasi

#### 1.3. Metode Interviu

#### 1.4. Metode *Observasi*

#### 1.5. Metode Soal Selidik

#### **1.1. Metode *Historis***

Metode *historis* atau sejarah adalah merupakan “suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian”<sup>11</sup>. Penggunaan metode ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data-data yang mempunyai nilai-nilai sejarah yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

<sup>10</sup> J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan : Penggunaannya Dalam Pemasaran*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 5-6.

<sup>11</sup> Imam Barnadib (1982), *op.cit.*, h. 52.

Penulis menggunakan metode *historis* untuk mendapatkan data-data berhubung dengan :

1.1.1. Latar belakang masalah dalam bab pendahuluan iaitu sejarah negeri Kelantan, sejarah kedatangan Islam ke Kelantan, sejarah awal Jajahan Pasir Puteh, sejarah perjuangan Tok Janggut menentang penjajah, sejarah Daerah Limbongan dan sejarah SMU (A) Saniah Pasir Puteh sendiri.

Bagi mendapatkan data-data yang bersifat *historis* ini, penulis telah meneliti dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah tersebut di samping menemui dan menginterviu beberapa orang dan tokoh yang berkaitan.

## 1.2. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi adalah bererti cara pengumpulan data dengan melakukan studi terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diselidiki<sup>12</sup>. Yang dimaksudkan dengan dokumen ialah "benda tertulis yang dapat memberikan berbagai macam keterangan". Bahan-bahan seperti kumpulan hukum-hukum, peraturan-peraturan, keputusan-keputusan pengadilan, gambar-gambar, potret-potret dan sebagainya juga termasuk dalam dokumen<sup>13</sup>. Ia juga termasuk '*otobiografi*', surat-surat peribadi, buku atau catatan harian, memoir, surat khabar, cerita roman dan cerita rakyat<sup>14</sup>. Selain daripada itu, ia juga termasuk laporan sesuatu jabatan kerajaan, laporan badan berkanun, syarikat,

<sup>12</sup> Abdul Halim Mat Diah Dr. (1987), *op. cit.*, h. 115.

<sup>13</sup> Imam Barnadib (1982), *op.cit.*, hal. 55.

<sup>14</sup> Sartono Kartodidjo, "Metode Penggunaan Bahan Dokumen", dalam Koentjaraningrat (1983), *op.cit.*, h. 65.

persatuan dan sebagainya. Sumber-sumber seperti yang tersebut amat berguna dijadikan data penyelidikan<sup>15</sup>.

Penulis telah meneroka beberapa buah perpustakaan di dalam usaha mencari bahan-bahan dokumen ini, di antaranya ialah :

1.2.1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.

1.2.2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

1.2.3. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri.

1.2.4. Perpustakaan Pusat Islam, Kuala Lumpur.

1.2.5. Perpustakaan Ma'ahad Muhammadi Tumpat, Kelantan.

1.2.6. Perpustakaan Ma'ahad Muhammadi Lelaki Kota Bharu, Kelantan.

1.2.7. Perpustakan Dār Nur Al-Zahrā', Langgar, Kota Bharu, Kelantan.

1.2.8. Perpustakaan Awam, Kota Bharu, Kelantan.

Dokumen-dokumen yang diterima itu ditapis seperlunya, supaya ia dapat diterima sebagai satu dokumen yang bermutu.

Penggunaan metode dokumentasi dalam penulisan dan penyelidikan ini adalah sebagaimana berikut :

a) Latar belakang masalah, iaitu dalam bab pendahuluan.

---

<sup>15</sup> Ahmad Mahdzan Ayob ( 1985 ), *op.cit.*, h. 49.

- b) Landasan teori yang banyak menggunakan metode ini, iaitu dalam bab kedua.
- c) Metodologi, iaitu bab ketiga.
- d) Bab keempat iaitu kandungan, sukatan, metode PPS dan laporan penyelidikan.

Dokumen-dokumen yang digunakan pada umumnya adalah dokumen yang diperolehi daripada sumber yang pertama, dan sebahagian yang lain adalah diambil daripada sumber yang kedua. Dokumen-dokumen itu ialah :

- i. Al-Qurān al-Karīm dan terjemahannya sebagai sumber utama.
- ii. Al-Hadīth dan *Šīrah* Rasulullah s.a.w.
- iii. Buku-buku yang berkenaan dengan pembahasan yang dikaji.
- iv. Risalah-risalah dan majalah-majalah.
- v. Kertas kerja, jurnal dan lain-lain bahan bertulis yang berkaitan.

### **1.3. Metode Interviu**

Metode interviu, “mencakup cara yang dipergunakan kalau seseorang, untuk tujuan suatu tugas tertentu, mencuba mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seorang responden dengan bercakap-cakap berhadapan muka dengan orang itu”<sup>16</sup>. Metode ini merupakan pembantu utama kepada metode *observasi*<sup>17</sup>.

---

<sup>16</sup> Koentjaraningrat (1983), *op.cit.*, h. 162.

<sup>17</sup> *Ibid.*

Penulis juga telah menggunakan metode interviu dalam penyelidikan ini. Pihak-pihak yang telah diinterviu oleh penulis ialah orang-orang yang terlibat secara langsung dalam penyelidikan ini. Mereka yang diinterviu adalah seperti berikut :

- 1.3 (a) Pengetua dan bekas pengetua SMU (A) Saniah.
- 1.3 (b) Penolong Kanan II.
- 1.3 (c) Guru Badan Dakwah dan bekas guru Badan Dakwah sekolah tersebut.
- 1.3 (d) Pelajar-pelajar sekolah .
- 1.3 (e) Bekas pelajar sekolah.
- 1.3 (f) Pegawai Petempatan Kanan, Pejabat Tanah Pasir Puteh.
- 1.3 (g) Penggawa Daerah Limbongan.
- 1.3 (h) Imam Jajahan Pasir Puteh.
- 1.3 (i) Penguatkuasa Agama Jajahan Pasir Puteh.
- 1.3 (j) Ketua Balai Polis Pasir Puteh (DSP).
- 1.3 (k) Pegawai Hal Ehwal Awam Polis.
- 1.3 (l) Inspektor Balai Polis Pasir Puteh.
- 1.3 (m) Tokoh masyarakat.
- 1.3 (n) Masyarakat setempat.

Jenis interviu yang penulis gunakan ialah jenis bebas berstruktur di mana penemubual bersedia dengan format soalan yang disediakan. Mereka tidak terikat dengan jawapan tertentu, jawapan mereka berbentuk terbuka supaya penemubual dapat bersedia daripada segi fizikal dan mental. Di samping itu ia telah

memudahkan penulis pada masa tersebut membuat soalan tambahan jika jawapan yang diberikan agak kurang jelas dan menimbulkan persoalan baru.

Interviu berjalan secara '*informal*' dan menyerupai satu perbualan sosial, penulis berusaha supaya wujud hubungan mesra dengan informan. Tujuan intervieu dijelaskan kepada informan dan dimulakan dengan soalan yang mudah dan kurang sensitif. Penulis menggunakan teknik corongan iaitu mendahulukan soalan yang umum kemudian yang khusus, manakala bentuk soalan pula bersifat neutral dan tidak mempengaruhi informan.

Penulis menghadapi sedikit sahaja masalah semasa mengaplikasikan metode ini dalam kajian iaitu ada pihak yang tidak mahu memberikan kerjasama sepenuhnya kerana bimbang hasil intervieu akan disiarkan di media massa, setelah diberikan penjelasan barulah mereka memahaminya. Informan juga tidak dapat memberikan jawapan dengan data-data yang tepat dan menyeluruh akibat faktor umur yang telah lanjut. Justeru, penulis terpaksa meneliti beberapa dokumen lain untuk mendapatkan data-data yang lengkap. Ada juga informan yang ingin diinterviu dan penting dengan kajian ini telah meninggal dunia.

Metode intervieu digunakan untuk mendapatkan data-data bagi :

- a) Latar belakang masalah, iaitu dalam bab pendahuluan.
- b) Laporan penyelidikan yang banyak menggunakan metode ini, iaitu dalam bab keempat.

Sebelum semua wawancara dilakukan, penulis terlebih dahulu menyediakan panduan wawancara (*interview guide*) untuk responden tertentu bagi melancarkan proses wawancara yang dijalankan serta memastikan bahawa segala persoalan yang diajukan memenuhi kehendak dan keperluan penyelidikan ini (Sila lihat Lampiran 11).

#### **1.4. Metode *Observasi***

Metode '*observasi*' bererti "cara pengumpulan dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian"<sup>18</sup>. Metode ini juga termasuk pengalaman yang dialami sendiri oleh seseorang penyelidik secara langsung terhadap subjek kajiannya.

'*Observasi*' yang dilakukan dengan cermat adalah merupakan satu daripada cara penyelidikan ilmiah yang paling sesuai tanpa memerlukan biaya yang amat banyak<sup>19</sup>. Namun, penggunaan metode '*observasi*' dalam penyelidikan ini dapat memperlengkap lagi pengumpulan data-data yang didapati melalui metode-metode lain yang dilakukan oleh penulis.

Pemerhatian yang dilakukan oleh penulis ialah terhadap keadaan umum SMU (A) Saniah dan suasana kehidupan seharian pelajar dan pengajian mereka di sekolah. Penulis telah beberapa kali ke SMU (A) Saniah untuk melakukan observasi. Penulis telah memerhatikan para pelajar datang ke sekolah pada jam 7.40 pagi, mengadakan perhimpunan, memasuki kelas selepas berdoa, suasana

<sup>18</sup> Abdul Halim Mat Diah Dr. (1987), *op.cit.*, h. 129.

<sup>19</sup> Harsja W. Bachtiar (1983), *op.cit.*, h. 137.

pembelajaran di dalam bilik darjah, waktu rehat dan sehingga mereka pulang pada jam 2.05 petang. Keadaan dan tingkah laku mereka di perhentian bas dan di bandar Pasir Puteh juga diperhatikan oleh penulis. Pada waktu solat, penulis sempat membuat pemerhatian pelajar yang hadir menunaikan solah jemaah di Masjid Ibrāhīmī dan sempat menemubual Tuan Imam dan Penguatkuasa Agama Jajahan Pasir Puteh tentang sahsiah dan kepemimpinan pelajar terbabit. Penulis turut melakukan pemerhatian terhadap pelaksanaan program-program dakwah dan metode program mereka sebagai subjek kajian dengan turut sama mengikuti program bersama pelajar-pelajar . Penulis telah menggunakan kamera untuk merakamkan gambar-gambar yang berkaitan dengan pelaksanaan PPS dan keadaan pelajar-pelajar yang menggambarkan realiti sebenar yang menjadi sokongan terhadap observasi yang telah dilakukan.

Di samping itu pengalaman penulis sendiri yang pernah belajar di sekolah agama yang seumpamanya, sebagai AJK dakwah peringkat YIK, bekas ‘*mas’ūl*’ PPS dan sekarang pengurus sekolah merupakan pengalaman yang sangat bermanfaat untuk melengkapkan metode ‘*observasi*’ ini.

Metode ‘*observasi*’ telah digunakan dalam penyelidikan ini untuk menyusun bahagian-bahagian sebagaimana berikut :

1.4.1. Latar belakang masalah, iaitu dalam bab pendahuluan.

1.4.2. Pelaksanaan program dan metode yang digunakan dalam PPS,  
iaitu dalam bab keempat ( Laporan Penyelidikan ).

## 1.5. Metode Soal Selidik

Metode soal selidik berbentuk satu senarai soalan-soalan yang bertulis. Soalan-soalan yang disediakan oleh penulis adalah berdasarkan kepada keperluan maklumat atau data yang diperlukan. Soalan ini diedarkan untuk dipenuhi oleh responden.

Metode ini digunakan untuk mengumpulkan data objektif kuantitatif<sup>20</sup> atau pun untuk mendapatkan keterangan-keterangan yang bersifat kualitatif<sup>21</sup>. Menurut Prof. Ahmad Mahdzan Ayob, bagi satu-satu tinjauan satu bentuk soal selidik yang sama hendaklah digunakan untuk semua responden. Ini adalah untuk memastikan keseragaman dalam jawapan yang diberi serta memudahkan penganalisisan data kelak<sup>22</sup>.

Bentuk soal selidik ini terbahagi kepada dua, pertama soalan terbuka, iaitu soalan-soalan yang memerlukan responden menjawab dengan perkataan mereka sendiri. Keduanya soalan tertutup, iaitu soalan yang mengandungi aneka pilihan jawapan. Responden menjawab hanya kepada jawapan yang telah sedia ada (sila lihat Lampiran 12).

Metode ini sangat diperlukan bagi mendapatkan data-data serta maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Sejumlah 100 set borang soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada 50 responden lelaki dan 50 responden

<sup>20</sup> Kuantitatif ialah sesuatu yang didasarkan kepada kuantiti atau bilangan.

<sup>21</sup> Winardi (1976), *Pengantar Metod Research*. Bandung: Penerbit Alumni, h. 104. Kualitatif pula ialah sesuatu yang didasarkan kepada kualiti atau mutu.

<sup>22</sup> Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 46.

perempuan di tingkatan dua hingga enam rendah, borang tersebut dapat dipungut sepenuhnya kerana penulis berusaha agar para pelajar dapat menghantarnya setelah diberikan masa selama dua puluh minit untuk mereka menjawabnya. Hasil daripada jawapan dan data-data yang diperoleh ini dibuat suatu analisis kepada kajian yang dilakukan.

Penulis telah menggunakan metode ini untuk mendapatkan data-data dan maklumat seperti berikut :

- a) Latar belakang pelajar daripada aspek jantina, tempat tinggal dan tingkatan.
- b) Pandangan pelajar terhadap program, sukatan dan pelaksanaannya.
- c) Kesan terhadap pelajar daripada segi sahsiah, pelajaran dan kepemimpinan.
- d) Permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan program PPS.

Metode soal selidik ini digunakan untuk menyusun sebahagian masalah dalam bab keempat.

## **2. Metode Analisis Data**

Setelah segala data yang diperlukan terkumpul melalui metode-metode yang tersebut di atas, penulis menganalisis data-data tersebut. Penganalisisan data-data itu dibuat dengan menggunakan metode-metode berikut :

- 2.1. Metode Induktif
- 2.2. Metode Deduktif
- 2.3. Metode Komparatif

### **2.1. Metode Induktif**

Metode Induktif adalah bererti suatu cara menganalisis data melalui “pola berfikir yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum”<sup>23</sup>.

Berdasarkan metode tersebut, data-data yang diperoleh yang berbentuk khusus ditimbang dan disimpulkan dalam bentuk umum. Metode induktif ini digunakan di tempat-tempat sebagaimana berikut :

- a) Bab kedua, iaitu Landasan teori.
- b) Bab keempat, iaitu berhubung dengan keberkesanan program.
- c) Membuat kesimpulan dalam bab kelima.

### **2.2. Metode Deduktif**

Metode deduktif bererti “cara menganalisis dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal khusus”<sup>24</sup>.

---

<sup>23</sup> Imam Barnadib (1982), *op.cit.*, h. 52-53.

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 52

Berdasarkan metode tersebut, data-data terkumpul yang berbentuk umum dibuat kesimpulan-kesimpulan yang berbentuk khusus. Metode deduktif ini digunakan di tempat-tempat sebagaimana berikut :

- a) Bab kedua, iaitu Landasan Teori.
- b) Metodologi yang digunakan oleh penulis dalam bab ketiga.
- c) Bab keempat iaitu berhubung dengan pelaksanaan program, sukanan dan rujukan.

### **2.3. Metode Komparatif**

Di samping kedua-dua metode yang telah disebutkan di atas, penganalisisan data juga menggunakan metode komparatif. Metode komparatif bererti “cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperoleh dalam penyelidikan”<sup>25</sup>.

Berdasarkan metode tersebut, segala data dan maklumat yang didapat dibandingkan antara satu sama lain dan seterusnya dibuat suatu kesimpulan. Metode komparatif ini digunakan di tempat-tempat sebagaimana berikut :

- 3.3.1 Bab kedua, iaitu berhubung dengan pandangan Islam dan Barat terhadap konsep pembinaan sahsiah.
- 3.3.2. Bab keempat, iaitu berhubung dengan masalah pelaksanaan PPS, sukanan dan metode.

---

<sup>25</sup> Abdul Halim Mat Diah Dr. (1987), *op.cit.*, h. 136.

Daripada keterangan-keterangan mengenai metode-metode yang telah digunakan dalam penyelidikan ini, adalah diharapkan hasil penemuan daripada kajian ini tepat, memuaskan dan tidak dapat dipertikaikan.